

# BAB 1

# BAB SATU

## PENDAHULUAN

### 1.1 PENGENALAN

...وَاللَّهُ يَحْكُمُ لِمَا مَعَقَّبَ لِحُكْمِهِ وَهُوَ سَرِيعُ الْحِسَابِ (٤١)

Al-Ra'd 13: 4

Terjemahan: ...Dan Allah menetapkan hukum (menurut kehendak-Nya), tidak ada yang dapat menolak ketetapan-Nya; dan Dialah Yang Maha cepat Hisab-Nya.

Tiga dekad terakhir telah menyaksikan kebangkitan semula institusi-institusi pengurusan harta Islam seperti institusi zakat dan kemudiannya institusi *waqf*, hisbah, perbankan dan takaful.<sup>1</sup> Era globalisasi yang dialami dunia masa kini memberi kesan langsung kepada aktiviti ekonomi serta memberi cabaran hebat kepada pelaksanaan sistem urus tadbir secara Islam sebagai alternatif kepada sistem konvensional. Motivasi ini telah membawa kepada kemunculan institusi-institusi kewangan Islam bukan sahaja dalam negara Islam tetapi juga di negara-negara barat.

Kerancangan pembangunan industri kewangan Islam pada masa kini amatlah membanggakan. Kesedaran dan keprihatinan masyarakat tentang kewajipan melaksanakan muamalat Islam adalah suatu keperluan dalam usaha mencari keberkatan dari Allah SWT dan juga merealisasikan kestabilan sistem kewangan khasnya dan ekonomi amnya.

---

<sup>1</sup> Nawal Kasim, "Auditing from the Islamic Perspective," *Accountants Today*, Jun 2010, 28.

Perkembangan ini akhirnya mendorong kepada institusi-institusi kewangan Islam berlumba-lumba untuk mengeluarkan produk dan perkhidmatan kepada pelanggan dan pengguna. Namun, dalam keghairahan mengetengahkan produk dan servis kepada pengguna, kadang-kadang institusi kewangan Islam terlepas pandang kepada perkara-perkara tertentu yang akhirnya menjejaskan sifat patuh syariah yang menjadi elemen utama yang perlu dipelihara.<sup>2</sup> Jawatankuasa Syariah (JKS) merupakan entiti yang sangat penting dalam proses membuat keputusan pengeluaran produk di institusi kewangan Islam sebelum sesuatu produk dipasarkan. JKS juga akan melihat sejauh mana produk atau servis berkenaan menepati *maqāsid syarī'ah* (objektif syariah) dan boleh mendatangkan *maṣlahah* dan menolak *mafsadah*.<sup>3</sup>

Persoalannya, apakah terdapat mekanisme tertentu untuk memastikan keputusan JKS dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya? Bagaimanakah pemantauan terhadap pelaksanaan kontrak-kontrak, syarat-syarat dan operasi yang dilaksanakan oleh pihak institusi kewangan Islam? Dan bagaimana pula untuk memastikan syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan dapat dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pengurusan syarikat dan warga kerjanya? Di sinilah bermulanya keperluan kepada 'Audit Syariah'.

## 1.2 LATAR BELAKANG MASALAH

Seorang muslim pasti akan percaya bahawa Islam adalah satu cara hidup. Ia merangkumi konsep kepercayaan, perundangan, kenegaraan, kesosialan, keperibadian dan sebagainya. Ia adalah satu sistem yang menyeluruh (*syumūl*). Mereka juga percaya bahawa perundangan Islam adalah universal untuk semua manusia, sempurna dan

---

<sup>2</sup> Wan Jemizan Wan Deraman, Audit Syariah dalam Kewangan Islam, laman sesawang *Utusan Malaysia*, dicapai 11 Mac 2013, [http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0310&sec=Bicara\\_Agama&pg=ba\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0310&sec=Bicara_Agama&pg=ba_01.htm).

<sup>3</sup> *Ibid.*

menyeluruh untuk semua perkara dan hal ehwal, kekal untuk semua masa dan tidak boleh dibahagikan dan tidak boleh dipisahkan. Ia harus digunakan sebagai satu sistem keseluruhan.

Islam tidak mengiktiraf pemisahan antara hal ehwal kerohanian dan keduniaan, dan menganggap perdagangan sebagai perkara moral dan tertakluk kepada perintah-perintah syariah.<sup>4</sup> Oleh itu, bank-bank Islam (dan mana-mana organisasi perniagaan Islam) mesti mematuhi perintah-perintah syariah dalam semua transaksi perniagaan dan kewangan. Seajar dengan asas ekonomi Islam iaitu sistem nilai berorientasikan al-Quran dan al-Sunnah. Oleh kerana kehidupan di bumi hanya satu fasa dalam kehidupan manusia yang luas menuju ke akhirat, seseorang itu perlu berusaha pada kebajikan selama hidupnya di dunia.<sup>5</sup>

Jika dirujuk kepada sejarah Islam, semasa zaman Nabi Muhammad SAW dan sepanjang pemerintahan empat khalifah (*khulafa' al-rasyidīn*), institusi pengawasan yang dikenali dengan 'Hisbah' dan peranan *Muhtasib* (memantau, mengawal dan mencegah penipuan, eksploitasi pada pengguna dalam pasaran) telah memainkan peranan yang amat penting. Fungsi tersebut dikaitkan dengan ayat-ayat al-Quran yang menyeru umat Islam agar menegakkan kebenaran dan mencegah kesalahan. Sebagai contohnya dalam al-Quran Allah SWT telah berfirman:

وَلْتَكُنْ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Ali-'Imrān 3: 104

Terjemahan: Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam),<sup>6</sup>

---

<sup>4</sup> Nawal Kasim, *op. cit.*, 29.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> Menurut *Tafsīr al-Jalālayn*, bahawa kalimah "*al-khayr*" (kebajikan) yang tersebut dalam ayat ini, maksudnya ialah Islam. Sila rujuk juga Abdullah bin Muhammad Basmeih, *Tafsīr Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an: (30juz)*, disahkan Muhammad Noor bin Haji Ibrahim (Kuala Lumpur: Darul Fikir, 1992), 146.

dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

Menurut Imam al-Ghazali, amalan hisbah mesti dilihat sebagai *farḍu kifāyah* bagi umat Islam. Setiap umat Islam mestilah memainkan peranan yang positif dalam penyebaran perkara-perkara baik (*ma‘arūf*) dan penindasan kepada perkara-perkara jahat (*munkar*).<sup>7</sup> Walau bagaimanapun, ia telah menjadi kewajipan pada sebahagian masyarakat yang terlibat di dalamnya. *Muhtasib* adalah pegawai yang dilantik oleh pemerintah untuk melaksanakan hisbah bagi pihak kerajaan.

Murtuza mencatatkan bahawa institusi hisbah bergerak bersama-sama dengan orang Islam ke wilayah-wilayah barat Sepanyol dan kekal menjadi sebahagian daripada negeri-negeri ini.<sup>8</sup> Walau bagaimanapun, menurut beliau, dengan kedatangan penjajahan barat dan serentak dengan gerhana politik Islam, kebanyakan institusi Islam mengalami penurunan drastik. Institusi hisbah juga merosot dalam keberkesanan dan hampir hilang. Keberkesanan hisbah adalah secara langsung berkaitan dengan kekuatan tadbir urus pemerintah Islam pada waktu itu.

Fungsi hisbah atau dikenali juga dengan pengauditan dalam sebuah negara Islam, khususnya dalam institusi kewangan amat penting dan wajib kerana ia mencerminkan kebertanggungjawaban juruaudit itu bukan sahaja kepada penyata kewangan, tetapi lebih penting lagi kepada Pencipta, Allah SWT. Hal ini sedemikian kerana umat Islam percaya bahawa tindakan dan pemikiran seseorang itu sentiasa diperhatikan dan diawasi oleh Allah (*murāqabah*). Asas Islam ini adalah merujuk kepada firmanNya:

---

<sup>7</sup> Abū Hāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī, *Ihyā’ Ulūm al-Dīn*. Taḥqiq ‘Abdul Raḥīm bin al-Husain al-‘Iraqī (Kaherah: Dār al-Taqwā li al-Tūrath, 2000), 553 dan 630.

<sup>8</sup> Nawal Kasim, *op. cit.*, 31.

... إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ حَسِيبٌ (٨٦)

An-Nisā' 4: 86

Terjemahan: ... sesungguhnya Allah mengambil kira tiap-tiap sesuatu.

Sehubungan dengan itu, audit syariah merupakan satu sistem penilaian yang mempunyai kepakaran teknikal untuk melakukan pemeriksaan dan pengesahan urus tadbir sesuatu organisasi bagi memastikan ianya mengikut prinsip-prinsip yang digariskan oleh lunas Islam. Ia merupakan salah satu mekanisme yang dilaksanakan untuk memastikan sektor kewangan Islam mematuhi dan menjaga prinsip-prinsip syariah. Kepentingan audit syariah tidak dapat dinafikan kerana ianya berperanan memastikan kesahihan dan ketelusan sesuatu urusan muamalat dilaksanakan dan dikuatkuasakan daripada perspektif syariah secara total. Sepertimana firman Allah SWT:

... إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا (١)

An-Nisā' 4: 1

Terjemahan: ... Sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawasi) kamu.

Maka penyelidikan ini memfokuskan kepada pengauditan syariah dalam metodologi Islam sebagai cabang daripada sistem perakaunan Islam yang sedia ada. Ia bertujuan menerangkan dari sudut makna, konsep, ciri-ciri, prinsip, penyediaan laporan dan aplikasi.

Penyelidik akan cuba menghuraikan secara terperinci tentang audit syariah khususnya dalam sektor perbankan Islam untuk dijadikan panduan yang terbaik serta boleh digunapakai di Malaysia. Penyelidikan ini juga sejajar dengan apa yang

dikehendaki oleh pihak Bank Negara Malaysia (BNM) dan mengharapkan sedikit sebanyak mampu mengelakkan daripada kes-kes yang menjejaskan kredibiliti sistem kewangan yang berasaskan Islam.

Seumpamanya yang telah berlaku baru-baru ini, satu pendedahan telah dibuat oleh Presiden Majlis Am bagi bank dan institusi kewangan Islam dan juga penerima Anugerah Diraja Kewangan Islam 2010, Sheikh Saleh Abdul Kamel<sup>9</sup> yang menyatakan bahawa berdasarkan pemantauan yang telah dibuat oleh pihaknya, mendapati 350 bank yang menawarkan skim perbankan Islam di 75 negara di seluruh dunia menggunakan kaedah kerja yang tidak selaras dengan syariat Islam. Lebih membimbangkan lagi, daripada 350 bank tersebut, 120 daripadanya beroperasi di Negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).<sup>10</sup>

Selain itu juga, Gabenor Bank Negara Malaysia, Tan Sri Dato' Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, semasa berucap di Persidangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB) yang ke-2 bertajuk 'Peningkatan dan Keberkesanan Tadbir Urus Korporat dalam Industri Perkhidmatan Kewangan Islam' telah menekankan mengenai perkara yang sedang dititikberatkan BNM sekarang. Ia untuk memperkuatkan lagi mekanisme yang ada untuk menterjemahkan nilai-nilai Islam dalam operasi perniagaan dan urus tadbir organisasi. Di antara mekanisme yang digunakan ialah dengan menjalankan proses pengauditan syariah. Proses ini dilihat mampu untuk menyakinkan massa akan prinsip ketelusan, hak-hak mereka yang seharusnya dipelihara dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh sektor kewangan Islam.<sup>11</sup>

---

<sup>9</sup> Penerima Anugerah Diraja Kewangan Islam 2010 oleh Pusat Kewangan Antarabangsa Islam Malaysia (MIFC) dan diiktiraf oleh Bank Negara Malaysia serta Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.

<sup>10</sup> Muhammad Hisyam Mohamad, "Menilai semula perbankan Islam: 350 institusi kewangan di 75 negara gagal patuhi piawaian hukum syarak," laman sesawang IKIM, dicapai pada 23 Januari 2014, <http://e-kiosk.ikim.gov.my/downloadarticle.asp?id=347>.

<sup>11</sup> Zeti Akhtar Aziz, "The Rise and Effectiveness of Corporate Governance in the Islamic Financial Services Industry," dalam *2<sup>nd</sup> Islamic Financial Services Board (IFSB) Summit*, 24-25 Mei 2005, Doha, Qatar.

Justeru, kepentingan audit syariah tidak dapat dinafikan kerana ianya berperanan memastikan ketelusan dan kesahihan sesuatu urusan muamalat dari perspektif syariah dilaksana dan dikuatkuasakan. Demikian juga, kajian berkenaan audit syariah dalam institusi kewangan Islam yang dicadangkan ini diharapkan sedikit sebanyak mampu mengelakkan berlakunya kes-kes sepertimana yang dijelaskan oleh Sheikh Saleh A. Kamel khususnya di negara kita.

Sesetengah pihak melihat audit yang dijalankan oleh juruaudit-juruaudit hanya untuk mencari kesilapan mereka dan penilaian audit menjurus kepada bidang perakaunan dan kewangan sahaja. Selain itu, tugas mereka disalahertikan dengan mengatakan bahawa mereka hanya “bertindak dan menyerang yang tercedera selepas pertempuran berlaku”, sedangkan fungsi audit sebenarnya lebih luas daripada itu dan tidak tertakluk kepada ruang lingkup yang sempit seperti yang diuar-uarkan.

Oleh yang sedemikian, penyelidik terpanggil untuk mengkaji dan mencari suatu kaedah sebagai titik permulaan yang sesuai untuk mengatasi masalah ini. Maka penyelidik berhajat dan bertekad untuk mengkaji permasalahan audit syariah ini dan pengaplikasiannya dalam institusi kewangan Islam khususnya di Malaysia.

### **1.3 PERSOALAN PENYELIDIKAN**

Perbincangan mengenai audit syariah merupakan satu fenomena atau isu yang baru dan amat perlu dibincangkan atau dibahaskan. Malahan dari segi pembangunan perakaunan Islam akan menjadi semakin peka. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada latar belakang masalah yang telah dipaparkan oleh penyelidik berhubung sistem pengawasan, khususnya audit syariah yang telah diuruskan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang memiliki pengalaman yang cukup luas dan mempunyai potensi



tinggi untuk dikembangkan, maka timbul persoalan yang telah mencetus idea penyelidik, iaitu:

- i. Apakah sistem pengurusan audit syariah yang dijalankan sesuai dengan ketetapan pihak berkuasa?
- ii. Bagaimanakah proses pengoperasian dan pengaplikasian audit syariah yang telah dibangunkan oleh BIMB?
- iii. Bagaimana mekanisme pihak BIMB dalam menguruskan audit syariah dengan baik?

Dengan adanya kajian ini, diharap akan dapat membantu BIMB dalam menambah baik sistem audit syariah dan juga memberi satu resolusi kepada institusi yang lain agar perkara yang menghalang kecekapan organisasi untuk menjadi lebih *competence* dapat diatasi. Di samping itu juga, syor-syor yang dikemukakan oleh BIMB untuk meningkatkan prestasi dan kecekapan institusi dapat diambil tindakan oleh semua pihak supaya audit syariah yang dijalankan dapat memberi kesan yang maksima kepada semua pengamal dan segala usaha yang dibuat dan kos kewangan yang digunakan tidak dibazirkan begitu sahaja.

#### **1.4 OBJEKTIF PENYELIDIKAN**

Penyelidikan ini bertujuan untuk meneroka salah satu elemen-elemen penting dalam modus operandi sistem kewangan Islam iaitu audit syariah. Ia adalah visi penyelidik yang diperoleh daripada kajian ini, dan ia akan memperkayakan serta memperkasakan lagi sistem kewangan Islam.

Bagi memastikan kajian yang dilakukan oleh penyelidik ini benar-benar mencapai matlamat yang diinginkan serta berjalan di atas landasan yang betul, penyelidik telah menggariskan empat objektif iaitu:

- i. Mengenalpasti sistem pengurusan audit syariah yang dijalankan sesuai dengan polisi, dasar dan garis panduan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.
- ii. Menghuraikan modus operandi dan pengaplikasian audit syariah di Malaysia.
- iii. Menganalisa mekanisme yang diamalkan oleh pihak BIMB dalam mengurus selia audit syariah dengan baik.
- iv. Membincangkan isu-isu dan permasalahan dalam mengaplikasikan audit syariah di BIMB.

## **1.5 SKOP PENYELIDIKAN**

Penyelidikan ini akan menumpukan perbincangan kepada landskap audit syariah di Malaysia sebagai salah satu daripada instrumen urus tadbir pengawasan pematuhan syariah di Malaysia. Audit syariah dalam perkhidmatan pengawasan dijadikan subjek utama penyelidikan bagi menilai sama ada institusi kewangan Islam ini mencapai matlamat penubuhannya. Di samping itu, kriteria-kriteria pengoperasiannya juga turut dikupas bagi mengenalpasti dan membuktikan sama ada aplikasi yang disyorkan oleh institusi tersebut benar-benar bertepatan dengan prinsip dan kaedah yang dikehendaki.

## **1.6 BATASAN PENYELIDIKAN**

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat tiga batasan utama penyelidikan iaitu:

- i. Batasan sistem pengauditan syariah sebagai landasan teori kajian: Penyelidikan ini hanya akan menyelidik pelaksanaan audit syariah dalam institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan secara Islam.
- ii. Batasan institusi: Institusi yang dipilih hanya terhad kepada Bank Islam Malaysia Berhad. Penyelidikan meliputi operasi Unit Audit Syariah dalam mengaplikasikan audit syariah yang dilaksanakan di institusi ini.
- iii. Batasan informan untuk temubual: Temubual yang dilakukan juga hanya terhad kepada informan yang berautoriti dalam sistem audit syariah di Malaysia. Penyelidikan ini tidak melakukan tinjauan terhadap persepsi masyarakat tentang audit syariah.

## **1.7 KEPENTINGAN PENYELIDIKAN**

Kajian mengenai pengaplikasian audit syariah adalah penyelidikan yang sangat penting kerana ia berkaitan dengan sistem kewangan Islam yang terus berkembang dan diberikan perhatian oleh setiap pihak. Pada dasarnya, terdapat beberapa kepentingan yang boleh disumbangkan dengan kajian ini, antaranya:

- i. Membuktikan kesyumulan Islam yang mempunyai konsep yang tersendiri dan sempurna dalam menyusun atur ekonomi manusia melalui sistem kewangan yang lengkap dan menyeluruh.
- ii. Hasil penyelidikan ini dapat memberi maklumat kepada pentadbir dan pengurus institusi kewangan Islam khususnya, orang ramai amnya mengenai

pengurusan urus tadbir sistem pengawasan, serta implikasi dan masalah dalam mentadbir dan mengurus audit syariah.

- iii. Penyelidikan ini mampu digunakan oleh pihak pengurusan institusi kewangan Islam dalam memahami situasi dan permasalahan serta cabaran kontemporari dan jalan penyelesaiannya.
- iv. Memperkaya koleksi penyelidikan dan kajian dalam bidang kejuruteraan kewangan Islam dan pemahaman yang jelas kepada isu-isu semasa kewangan Islam khususnya dalam pengauditan mengikut lunas-lunas syariah.
- v. Sumbangan secara langsung dan tidak langsung kepada perkembangan sistem kewangan Islam dalam merealisasikan Malaysia sebagai hub kewangan Islam dunia.

## **1.8 ULASAN PENYELIDIKAN LEPAS**

Dalam menyiapkan penulisan penyelidikan ini, penyelidik telah membuat siri-siri pembacaan dan pemerhatian mengenai hasil-hasil penulisan terdahulu. Ia merupakan langkah awal dalam sesuatu penyelidikan atau penulisan ilmiah. Ianya bertujuan meninjau sejauhmana sesuatu bidang penyelidikan itu telah dilakukan oleh ahli akademik semasa atau pada masa lalu. Penyelidik juga telah meluangkan masa meneliti segala teks dan bahan kajian melalui buku, latihan ilmiah, tesis, disertasi, kertas kerja, laman web dan sebagainya dalam usaha mendapat landskap mengenai tajuk disertasi yang akan dikaji.

Penyelidik juga cuba mengali dan merungkai hasil kajian dan penulisan terdahulu. Di dalam penyelidikan ini, penyelidik cuba menerangkan apakah definisi,

peranan dan proses pelaksanaan melalui kajian-kajian terdahulu dan penyelidik juga mendatangkan contoh daripada institusi yang telah melaksanakan audit syariah secara sistematik untuk dijadikan bahan kajian lepas yang berkaitan dengan audit syariah. Tujuan penyelidikan mendatangkan pelbagai sumber berkenaan audit syariah adalah untuk melihat adakah terdapat suatu tindakan ataupun enakmen yang berkaitan dengan standard audit syariah.

Penelitian dan analisis yang telah dijalankan mendapati bahawa amat sedikit yang menulis dan membincangkan tentang masalah ilmiah mengenai konsep pengauditan berkenaan audit syariah dalam institusi kewangan Islam di Malaysia khususnya berbanding konsep perbankan syariah yang lain. Penyelidik juga mendapati ada beberapa penulis yang menceritakan atau menulis tentang definisi, peranan dan kepentingan audit syariah, namun mereka tidak menyentuh secara khusus hubungan kait dengan cara pengoperasian audit syariah yang telah sedia ada secara tersirat dalam khazanah ilmu muamalat Islam. Dan juga seolah-olah perbincangan tentang audit syariah ini dipinggirkan kerana ia merupakan sistem sampingan bagi sesebuah institusi kewangan berbanding dengan perkhidmatan utama iaitu deposit, pembiayaan dan pelaburan serta perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Sekiranya diteliti terhadap pengurusan pengawasan ini memang wujud sedikit sebanyak kaitan terhadap kaedah audit syariah ini. Setakat penelitian dan analisis kajian yang telah dibuat, didapati masih kurang bahan penulisan atau perbincangan khusus yang membincangkan tentang penilaian kaedah audit syariah dalam pengurusan pengawasan di institusi kewangan Islam.

Terdapat beberapa penulisan mengenai audit syariah yang telah diterbitkan sama ada di dalam atau di luar negara. Ini merujuk melalui penulisan Sheila Nu Nu Htay et al. (2013) di dalam bukunya yang bertajuk "*Accounting, Auditing and Governance for Takaful Operations*". Dalam penulisan buku ini, beliau memperjelaskan tentang

pengenalan kepada sistem perakaunan, pengauditan dan urus tadbir kepada operasi takaful kepada pelajar, pengamal industri dan masyarakat umum yang berminat dalam industri takaful. Ia menerapkan perkara-perkara asas berkenaan selok-belok industri kewangan Islam. Dalam bab akhir buku tersebut ada menerangkan serba ringkas dan teori asasi berkenaan cara-cara pengoperasian audit syariah khusus untuk industri takaful. Ia juga melampirkan contoh dokumentasi asas dalam masalah perakaunan, pengauditan dan urus tadbir industri takaful. Contoh-contoh praktikal pelaksanaan dan aplikasi kepada institusi kewangan Islam seperti standard dan garis panduan yang berkaitan juga disediakan untuk lebih memahami mengenai topik yang dibincangkan.

Seterusnya penyelidik telah merujuk kepada penulisan Mustafa Mohd Hanefah et al. (2012) dalam buku yang bertajuk "*Governance and Shariah Audit in Islamic Financial Institution*", buku ini dihasilkan untuk memberi pemahaman asas struktur urus tadbir syariah dan audit syariah dalam institusi kewangan Islam. Buku ini mengandungi topik-topik seperti urus tadbir korporat dari perspektif Islam sebelum mengulas lanjut mengenai konsep struktur urus tadbir syariah dalam institusi kewangan Islam. Beberapa bab berdedikasi untuk menyediakan gambaran keseluruhan proses audit syariah, yang meliputi perancangan audit, skop audit dan laporan audit. Buku ini bukan sahaja memberi pengetahuan semasa berkenaan rangka kerja pengawalseliaan tempatan dalam urus tadbir syariah, tetapi juga memberi pendedahan kepada standard dan garis panduan antarabangsa untuk tujuan perbandingan.

Manakala Syed Alwi Mohamed Sultan (2007), dalam buku yang diselenggarakan olehnya "*A Mini Guide to Shari'ah Audit for Islamic Financial Institutions – A Primer*", merupakan sebuah buku himpunan beberapa buah kertas kerja yang telah dibentangkan dalam seminar-seminar yang telah dianjurkan oleh CERT Events Sdn. Bhd. pada 17 – 18 Julai 2006. Seminar tersebut dianjurkan adalah untuk membincangkan beberapa perkara mengenai audit syariah untuk institusi kewangan

Islam. Melalui buku ini, penulis telah memberikan secara ringkas beberapa pendedahan, gambaran dan maklumat yang universal mengenai konsep audit syariah, rangka kerjanya, pendekatan pelaksanaan yang dicadangkan dan bagaimana tadbir urus dan pemantauan serta beberapa lagi persoalan yang timbul mengenai audit syariah.

*“Introduction to Auditing”*, sebuah buku kuliah Fakulti Perdagangan, Universiti Al-Azhar yang dikarang oleh Prof. Dr. Hussien Hussien Shehata (2011) turut memberi pendedahan mengenai pengenalan, metodologi dan matlamat, bidang-bidang pengauditan Islam dan metodologi syariah Islam yang terbaik dan berkesan. Di samping itu, beliau turut menyentuh di dalam bukunya ini mengenai tanggungjawab juruaudit syariah dalam melaksanakan kerja-kerja pengauditan juga kriteria-kriteria yang perlu ada kepada seorang juruaudit yang bercirikan syariat Islam.

*Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI) telah menerbitkan sebuah buku standard yang bertajuk *“Accounting, Auditing and Governance Standards for Islamic Financial Institutions”*. Ia memberi garis panduan mengenai objektif, prinsip, penyediaan laporan, terma-terma pengauditan dan ruang lingkup syariah di dalam proses pengauditan. Selanjutnya buku ini turut menjelaskan mengenai tadbir urus jawatankuasa pengauditan, ruang lingkup, pendekatan ke arah menepati standard syariah berorientasikan tempatan. Di samping itu, buku ini juga membincangkan beberapa tajuk lain yang berkaitan dengan kod etika akauntan, juruaudit dan juga pekerja-pekerja di institusi-institusi kewangan Islam.

Seterusnya penyelidik telah merujuk kepada kajian di peringkat kedoktoran yang telah dibuat oleh Nawal Kasim (2009) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia yang bertajuk *“Dynamics of Shariah auditing in Islamic Institutions : a study of the Malaysian Islamic financial sector”*. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji aspek teori dan praktikal pengauditan syariah dalam institusi kewangan Islam di Malaysia dengan matlamat utama untuk mengenal pasti sama ada terdapat jurang antara

amalan teori dengan realiti sebenar. Fokus kajian ini berkisar sekitar empat aspek isu, iaitu rangka kerja, skop, kelayakan dan kebebasan. Kajian ini meninjau perbezaan kumpulan responden yang terlibat dengan pematuhan syariah / pengauditan di institusi kewangan Islam dengan menggunakan soal selidik dan temubual. Ia mencadangkan bahawa menjadi keperluan untuk mempunyai unit audit syariah yang tetap dan bebas di sesebuah institusi. Konsep audit syariah juga perlu diperluaskan kepada aktiviti yang berhubungan dengan antara lain, sistem, produk, pekerja, alam sekitar dan masyarakat.

Kajian ini juga meneroka empirikal jurang antara “wajar” dan “sebenar” amalan audit syariah dalam sistem kewangan Islam di Malaysia. Ia dapati bahawa wujud jurang antara kedua-dua konsep dalam segi empat isu yang dibincangkan dalam kajian ini. Walaupun kajian ini tidak dapat merapatkan jurang yang wujud sepenuhnya namun, ia menunjukkan bahawa jika fungsi audit syariah tidak diambil serius maka akan memberi kesan kepada institusi kewangan Islam di Malaysia walaupun potensinya sebagai alat pemantauan bagi pematuhan syariah.

Manakala satu lagi kajian di peringkat sarjana yang bertajuk “*Shari’ah Audit for Islamic Financial Institutions: Perceptions of Accounting Academicians, Audit Practitioners, and Shari’ah Scholars*”, ditulis oleh Ratna Mulyany (2008) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Beliau telah menjelaskan matlamat utama kajian lapangannya adalah untuk mengenal pasti bagaimanakah persepsi ahli akademik perakaunan, pengamal audit dan ulama syariah terhadap audit syariah. Antara lain beliau menghuraikan tentang kepekaan, kelayakan, ruang lingkup, dan kepentingan untuk memantapkan lagi disiplin audit syariah terhadap responden.

Beliau turut memilih beberapa skop yang tertentu bagi memastikan kajian ini lebih sistematik. Di antara skop yang dipilih adalah seperti; Pertamanya, definisi audit



syariah; Kedua, Keperluan kelayakan juruaudit syariah; Ketiga, skop audit syariah di institusi kewangan Islam; Keempat, peraturan rangka kerja kepada audit syariah.

Azah Atikah Haji Anwar Batcha (2009) daripada *International Centre of Education in Islamic Finance* (INCEIF) dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk “*Shariah Non Compliance through Auditing and Risk Management in Islamic Banking and Finance*”, ianya bermatlamat untuk memeriksa kepentingan audit syariah dan pematuhan kepada institusi kewangan Islam dan kenapa ianya mempunyai hubungkait dengan pengurusan risiko. Ia juga mengkaji kebaikan dan keburukan pematuhan syariah atau tidak, melalui audit syariah. Kajian ini juga melihat *maqāsid al-syari‘ah* sebagai panduan kepada proses pengauditan syariah.

Sebuah jurnal yang ditulis oleh Mohd Zamerey Abdul Razak dan Nurmaezah Omar (2008) yang berjudul “Audit Syariah dalam Institusi Kewangan Islam di Malaysia”. Dalam ini, beliau menerangkan tentang pelaksanaan audit syariah di Malaysia di samping mengesyorkan peningkatan sedikit dari segi memastikan penetapan prinsip syariah yang berkesan dilaksanakan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia.

Pengkaji turut memilih beberapa contoh institusi yang tertentu bagi membuat perbandingan dalam cara pelaksanaan audit syariah. Di antara contoh yang dipilih adalah seperti; Audit syariah di Syarikat *al-Rajhi al-Masrafiyyah Lil Istitmar* (Arab Saudi), Syarikat Takaful Malaysia Berhad, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. dan Bank Islam Malaysia Berhad. Di samping itu juga, pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan kaedah pelaksanaan audit syariah di institusi kewangan Islam. Ini membantu penyelidik untuk mencari dan merangka gerak kerja yang relevan dalam melaksanakan dan merealisasikan audit syariah khususnya di Malaysia.

“*Enhancing The Integrity of Islamic Financial Institutions in Malaysia: The Case for The Shariah Audit Framework*”, merupakan jurnal yang ditulis oleh Abdul

Rahim Abdul Rahman (2011). Kajian ini bertujuan menyediakan satu gambaran keseluruhan penyelidikan dan inisiatif pembangunan yang dimulakan oleh *International Shariah Research Academy in Islamic Finance* (ISRA) dan BNM untuk menghasilkan Rangka Kerja Audit Syariah. Ia juga menyediakan panduan bagi institusi kewangan Islam di Malaysia untuk menjalankan audit syariah.

Bahagian pertama menerangkan rangka kerja tadbir urus syariah yang baru-baru ini telah dikeluarkan oleh BNM. Ia bertujuan untuk melengkapkan lagi rangka kerja audit syariah. Bahagian kedua, kajian ini pula menyatakan perbincangan mengenai keperluan kepada rangka kerja audit syariah. Dan bahagian ketiga kajian membentangkan beberapa peraturan dan keperluan institusi yang perlu dipertimbangkan untuk memastikan bahawa institusi kewangan Islam akan dapat melaksanakan fungsi audit syariah dengan berkesan.

Manakala Muhammad Akram Khan (1998) dalam hasil kajiannya yang bertajuk "*Performance Auditing for Islamic Banks*", menyatakan bank-bank Islam menghadapi kritikan daripada pemerhati-pemerhati bahawa bank-bank Islam masih lagi menggunakan teknik-teknik yang menyerupai sistem kewangan yang berasaskan riba. Kesukaran bank-bank Islam adalah kerana mereka masih lagi teragak-agak untuk menerima perkongsian untung rugi dalam persekitaran kontemporari.

Kertas kajian ini memperkenalkan konsep pengauditan prestasi dan menunjukkan bagaimana bank-bank Islam boleh menggunakannya untuk kepentingan mereka. Kertas kajian ini juga menyediakan satu set langkah-langkah strategik bagi bank-bank Islam untuk meletakkan pengauditan prestasi dalam amalan.

Kajian yang dijalankan dan diberi tajuk "*Shariah Auditing in Islamic Financial Institutions: Exploring the Gap Between the 'Desired' and the 'Actual'*", oleh Nawal Kasim, Shahul Hameed Mohamad Ibrahim dan Maliah Sulaiman (2009) ini bertujuan untuk meneroka empirikal jurang antara "yang dikehendaki" dan "realiti sebenar"

dalam amalan pengauditan syariah di institusi kewangan Islam di Malaysia. Ia mendapati bahawa wujud jurang antara kedua-dua konsep dari segi isu-isu tertentu yang dibincangkan dalam kajian ini. Ia juga menunjukkan bahawa fungsi audit syariah tidak diambil serius oleh institusi kewangan Islam di Malaysia walaupun potensinya sebagai alat pemantauan yang berkesan untuk menilai sejauh mana pematuhan kepada syariah.

Bertajuk "*The Organization of Audit Department in Islamic Banks and Commercial Banks the Description and Responsibilities of Internal Auditor*", kajian ini telah dijalankan oleh Ali Idiab Mohamed Idiab, Mohamad Sabri bin Haron dan Shofian Bin Hj. Ahmad (2011) menfokuskan kepada Jabatan Audit Dalaman Perbankan Islam dan konvensional yang mengendali fungsi audit untuk memelihara transaksi dari sebarang kesilapan, peninggalan atau penipuan yang dapat mengukuhkan sistem kawalan dalaman di bank.

Kajian ini juga menyatakan bahawa aktiviti pengauditan yang dijalankan tanpa pengecualian. Kertas kajian ini juga mengutarakan tentang juruaudit mestilah dicirikan oleh satu set kualiti peribadi untuk melaksanakan tahap kecekapan yang tinggi serta mempunyai hak, tugas dan tanggungjawab.

Manakala artikel yang bertajuk "*Shariah Audit for Islamic Financial Services: The Needs and Challenges*", adalah sebuah kertas kerja hasil penulisan Prof. Dr. Abdul Rahim Abdul Rahman (2008) yang dibentangkan di ISRA Islamic Finance Seminar (IIFS) pada 11 November 2008. Objektif utama kertas kerja ini ialah untuk menilai keperluan bagi audit syariah untuk melengkapkan mekanisme pematuhan syariah yang sedia ada. Audit syariah mesti dilaksanakan secara sistematik sebagai sebahagian daripada mekanisme tadbir urus korporat institusi kewangan Islam. Ini adalah disebabkan peningkatan permintaan pihak-pihak berkepentingan yang memerlukan jaminan pematuhan syariah dan akauntabiliti. Kertas ini juga membincangkan beberapa cabaran sebagai prasyarat untuk menjalankan audit syariah.

Di dalam artikel Prof. Dr. Saiful Azhar Rosly (2008) yang bertajuk “*Shariah Compliant Parameters Reconsidered*”, merupakan kertas kerja hasil penulisan yang dibentangkan di Annual Malaysian Finance Association Conference pada 4 – 5 Jun 2008. Dalam kertas kerja ini, penulis menekan kepada empat parameter penting dalam pemeriksaan audit syariah iaitu *aqad* (kontrak), dokumentasi undang-undang, laporan kewangan dan *maqāsid syari‘ah*. Kaedah ini menentukan kesahihan instrumen patuh syariah melalui penilaian audit syariah.

“*The Importance and Method of Shariah Compliance Audit*”, sebuah artikel hasil tulisan daripada Nibrasul Huda Ibrahim Hosen (2008) memfokuskan kepentingan audit pematuhan syariah adalah untuk mengurangkan risiko operasi dan untuk mengukuhkan kawalan dalam sistem perbankan Islam.

Tulisan ini juga mengetengahkan bahawa kaedah pengauditan syariah harus semudah mungkin untuk dilaksanakan dalam perjanjian dengan dokumentasi akad, undang-undang, *maqāsid syari‘ah* dan laporan kewangan dengan meneliti kod-kod halal dan haram untuk mengelakkan sebarang penipuan dan kesilapan, dan juga susulan kesinambungan prosedur audit yang seharusnya mempunyai Bahagian Kawalan Dalaman Syariah untuk mentadbir operasi institusi kewangan Islam.

Manakala kajian yang ditulis oleh Yazkhiruni Yahya dan Nurmazilah Mahzan (2012) daripada Universiti Malaya yang bertajuk “*The Role of Internal Auditing in Ensuring Governance in Islamic Financial Institution (IFI)*”, bertujuan untuk menyiasat amalan semasa audit syariah dalam kalangan institusi kewangan Islam di Malaysia. Maka ia mendapati bahawa, amalan audit syariah masih di peringkat pembangunan dan perlu diperbaiki lagi. Sebagai contoh, untuk meningkatkan kefahaman audit syariah dalam kalangan juruaudit dalaman, meningkatkan pengetahuan syariah kepada juruaudit dalaman, keseragaman rangka kerja audit syariah dan menyediakan garis panduan umum untuk mereka membentuk program audit untuk pengauditan syariah.

Berdasarkan kepada huraian dan perbincangan hasil-hasil penulisan terdahulu, dapat disimpulkan bahawa perbincangan mengenai pengaplikasian audit syariah mengalami proses perkembangan seiring dengan perkembangan sistem kewangan Islam di beberapa institusi di Malaysia pada hari ini. Ini misalnya dapat dilihat, penulisan mengenai pelaksanaan audit syariah terdapat sama ada dari segi perbincangan mengenai konsepnya, pentadbirannya masa kini dan juga undang-undang. Walau bagaimanapun, kajian penyelidik ini lebih kepada pendekatan pengaplikasiannya yang mana penyelidik mendapati terdapat beberapa ruang kosong yang dirasakan amat perlu untuk dibuat kajian dan penyelidikan lanjut mengenai modus operandi audit syariah ini khususnya dalam skop yang dinyatakan dalam kajian ini terdiri daripada:

- i. Perincian semasa tentang realiti pemahaman sarjana Islam dan pengamal sistem kewangan Islam terhadap pengurusan sistem pengawasan berpandukan kepada prinsip dan kaedah yang digariskan.
- ii. Perincian semasa tentang realiti perkembangan pengurusan sistem pengawasan khususnya di BIMB sebagai institusi kajian kes.
- iii. Perincian semasa tentang mekanisme pengurusan sistem pengawasan dalam membangunkan audit syariah supaya tidak beku dengan masalah yang dihadapinya.

Konklusi daripada kajian penyelidikan dan tulisan terdahulu yang telah disebut di atas, penyelidik merasakan bahawa satu kajian terperinci mengenai pelaksanaan audit syariah yang terdapat di dalam operasi syarikat BIMB perlu dibuat. Begitu juga dengan kajian terhadap pengamalan modus operandi sistem pengawasan sama ada ia benar-benar beroperasi mengikut spesifikasi pihak berkuasa. Kajian ini juga membincangkan dengan jelas mengenai isu atau persoalan yang ditimbulkan oleh masyarakat Islam mengenai amalan pengawasan institusi kewangan Islam khususnya di BIMB.

Justeru itu, penyelidikan ini dilakukan dengan tujuan untuk melihat bagaimanakah sistem audit syariah dapat dipraktikkan dan bagaimanakah penerapan konsep dan prinsip dapat diterapkan di dalam sistem pengauditan seterusnya direalisasikan di institusi kewangan Islam. Fungsi dan peranannya perlu disebarluaskan agar institusi kewangan Islam dapat memberi impak yang positif. Seandainya tidak wujud satu kajian baru mengenai audit syariah ini, maka kepentingan instrumen ini tidak akan dapat dinikmati oleh pengamal industri.

## 1.9 METODOLOGI PENYELIDIKAN

Perkataan ‘Metodologi’ memberi maksud ilmu yang membicarakan tentang tatacara melakukan penelitian.<sup>12</sup> Perkataan ini berasal daripada perkataan Yunani yang digabungkan iaitu “*metodos*” yang bermaksud cara dan “*logos*” yang bererti ilmu.<sup>13</sup> Ianya merujuk kepada kaedah yang paling relevan untuk menjalankan sesuatu penyelidikan dan menentukan tatacara yang berkesan bagi menjawab permasalahan penyelidikan.

Metodologi kajian merupakan elemen primer dalam menghasilkan sesuatu kajian yang benar-benar bermutu, berkualiti dan boleh diguna pakai. Secara umumnya, penyelidikan ini adalah bersifat kualitatif dalam bentuk kajian kes dan pengumpulan data diperolehi melalui teknik temu bual mendalam (*in-depth interview*) secara tidak berstruktur dan juga metode dokumentasi. Penyelidik telah menetapkan beberapa kaedah yang dapat membantu penyelidik dalam memperolehi data-data dan maklumat

---

<sup>12</sup> Imam Barnadib, *Arti dan Metode Sejarah Pendidikan* (Yogyakarta: Yayasan Penerbitan FIB-IKIP, 1982), 51.

<sup>13</sup> Koentjaraningrat (ed.), *Metode-metode Penelitian Masyarakat* (Jakarta: P.T, Gramedia, 1977), 16.

yang diperlukan dalam penyelidikan ini. Di dalam usaha menyiapkan penyelidikan ini, penyelidik menggunakan dua kaedah kajian iaitu:

- (a) penyelidikan lapangan (*field research*);
- (b) penyelidikan perpustakaan (*library research*).

### **1.9.1 Penyelidikan Lapangan**

Kaedah penyelidikan lapangan diguna pakai dalam usaha mendapatkan data primer kajian. Penyelidikan lapangan merupakan satu kaedah penyelidikan yang membolehkan penyelidikan secara langsung dilakukan ke atas objek kajian yang telah dipilih.

Melalui kaedah ini, teknik kajian kes yang mengguna pakai pendekatan kualitatif bukan sahaja membolehkan pertemuan antara peserta penyelidikan, bahkan dapat memastikan secara langsung apa yang berlaku dan berinteraksi di antara satu sama lain (Yin, 1994). Kaedah kajian kes untuk penyelidikan ini adalah berbentuk kajian kes eksploratori atau kajian rintis kerana ianya melibatkan sebilangan kecil responden untuk mengumpulkan data. Kebiasaannya jenis penyelidikan ini dijalankan dalam konteks perlaksanaan yang realiti untuk mencari jawapan untuk soalan “kenapa” dan “bagaimana”. Penyelidikan jenis ini juga secara umumnya berfungsi untuk mengetahui elemen-elemen yang belum diketahui terhadap sesuatu kenyataan atau kejadian yg dapat diberikan dan dijelaskan secara saintifik dan juga menjadi asas kepada penyelidikan yang berskala besar.

Rasionalnya dipilih kajian kes kerana ia membolehkan penyelidik untuk mengkaji sesuatu fenomena dalam skop yang luas. Ianya juga berupaya menghasilkan maklumat terperinci berbanding dengan apa yang terdapat melalui metode-metode yang lain serta amat relevan dipraktikkan apabila ada peristiwa atau situasi yang unik untuk

diberitahu. Metode ini juga membolehkan penyelidik mendapatkan data-data secara sistematik dan menatijahkan ke arah penyelesaian sesuatu permasalahan.

Kategori kajian kes untuk penyelidikan ini ialah berdasarkan kajian kes intrinsik kerana ianya tidak berhasrat untuk menguji teori atau membentuk teori tertentu ataupun membuat generalisasi tertentu. Ia hanya untuk memahami secara mendalam mengenai perkara tersurat di sebalik perlaksanaan dalam kes kajian ini iaitu pengaplikasian audit syariah dalam institusi kewangan Islam di Malaysia serta pengamalannya di BIMB.

Pelbagai alat penyelidikan yang boleh diguna pakai dalam kajian kes seperti soal selidik, temu bual, pemerhatian dan penelitian dokumen. Oleh itu, untuk kajian kes ini penyelidik memilih temu bual mendalam sebagai alat kajian untuk mencapai dan menjawab persoalan-persoalan kajian.

#### 1.9.1.1 Metode Temubual

Dalam metode ini penyelidik akan berhadapan muka dengan informan.<sup>14</sup> Temubual merupakan kaedah yang melibatkan subjek dan penyelidik hadir sama di dalam proses memperolehi maklumat. Maklumat penyelidikan diperolehi secara langsung oleh penyelidik daripada subjek.<sup>15</sup> Manakala daripada aspek bentuk soalan yang dikemukakan, temu bual dibahagikan kepada tiga jenis iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi-berstruktur dan temu bual tidak berstruktur.

Untuk penyelidikan ini, penyelidik menggunakan pendekatan temu bual bersemuka secara individu. Pendekatan tersebut digunakan mengikut kesesuaian responden yang dipilih dalam penyelidikan ini. Penyelidik memilih untuk menggunakan kaedah temu bual bersemuka secara individu, di mana setiap

---

<sup>14</sup> Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan, Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Intel Multimedia dan Publications, 2001), 54-55.

<sup>15</sup> Mohd. Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998), 237.



responden akan ditemu bual secara berasingan dan pada waktu yang berlainan. Ini juga adalah kerana setiap responden mempunyai ciri-ciri yang berbeza dan akan memberi pendapat dari sudut perspektif yang berbeza serta mendapat reaksi yang tinggi dan fleksibel. Bentuk soalan temu bual yang digunakan ialah temu bual tidak berstruktur.

Melalui metode ini, ia membantu penyelidik meneroka dan mencapai maklumat penyelidikan secara mendalam. Ini kerana tidak semua maklumat penyelidikan dapat diperolehi melalui kaedah pemerhatian atau dokumentasi. Maka maklumat yang berkaitan dengan pengkajian dapat dikumpulkan dan dinyatakan dalam bab dua, tiga dan empat daripada informan yang berautoriti dalam pengauditan syariah, khususnya audit syariah di Malaysia.

#### 1.9.1.2 Perincian Responden

##### a. Pengurusan Unit Audit Syariah BIMB

Semasa penyelidikan ini dijalankan, pekerja di bahagian unit audit syariah hanya dua orang sahaja. Hierarki jawatan di unit ini terdiri daripada seorang Ketua Unit dan seorang Pegawai dan ianya berada di bawah seliaan Jabatan Audit Dalaman BIMB. Bagaimana, untuk penyelidikan ini penyelidik hanya dibenarkan oleh pihak BIMB untuk menemu bual Ketua Unitnya sahaja. Ini disebabkan hal-hal kerahsiaan yang dititik beratkan oleh pihak BIMB.

Ketua Unit Audit Syariah BIMB merupakan individu penting dalam penyelidikan ini kerana beliau merupakan individu yang dipertanggungjawabkan oleh BIMB untuk menyusun atur dan memprogramkan audit syariah di BIMB. Temu bual dengan beliau merupakan data utama bagi penyelidikan ini berdasarkan kepada penglibatan secara langsung dengan pelaksanaan audit syariah di BIMB.

b. Pengamal Sistem Kewangan Islam

Untuk penyelidikan ini juga, penyelidik juga telah memasukkan seorang pengamal sistem kewangan Islam di Malaysia yang mengetahui selok-belok berkenaan audit syariah. Beliau merupakan Penolong Timbalan Presiden, Jabatan Syariah, Kumpulan Bahagian Perbankan Islam, CIMB Investment Bank dan merupakan juga Penasihat Syariah Berdaftar oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Temu bual ini bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat terhadap aplikasi audit syariah khususnya pengamalan di Malaysia. Data yang dikumpulkan daripada responden ini akan dijadikan sebagai pengukuhan atau sokongan daripada maklumat temu bual yang diperolehi daripada pengurusan audit syariah di BIMB.

1.9.1.3 Pembangunan Instrumen Temu Bual

Pembangunan soalan-soalan temu bual untuk penyelidikan ini adalah bersandarkan kepada soalan-soalan yang telah direka bentuk. Penyelidik telah mengubahsuai reka bentuk soalan tersebut mengikut kesesuaian kepada objektif penyelidikan. Soalan-soalan dibahagikan berdasarkan kriteria-kriteria bagi setiap bahagian. Bagi responden dari BIMB dikhususkan persoalan-persoalan berkenaan pelaksanaan audit syariah di BIMB.

Manakala responden pengamal sistem kewangan Islam pula, penyelidik hanya mengemukakan persoalan yang lebih umum berkenaan audit syariah khususnya di Malaysia. Oleh itu, persoalan yang berkaitan secara langsung dengan BIMB tidak ditanya kepada responden ini.

Senarai soalan temu bual yang telah diajukan oleh penyelidik kepada responden adalah seperti mana di Lampiran A dan Lampiran B.

### 1.9.2 Penyelidikan Perpustakaan

Kaedah ini satu cara pengumpulan data dengan melakukan kajian dan pembacaan terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah yang diteliti.<sup>16</sup> Dokumen pula ialah bahan bertulis yang dapat memberikan pelbagai jenis keterangan, ia melibatkan pengumpulan dan penggunaan data-data yang didapati melalui kitab-kitab muktabar, kitab-kitab pelbagai mazhab, hasil-hasil penulisan tesis, disertasi dan latihan ilmiah peringkat sarjana muda, buku-buku ilmiah yang berkaitan dengan audit, artikel-artikel dalam jurnal-jurnal, kertas kerja persidangan dan prosiding-prosiding, dan sebagainya sama ada ianya bersifat utama atau tambahan. Antara bahan-bahan utama iaitu:

- i. Bahan kajian yang ditulis oleh cendekiawan-cendekiawan kewangan Islam mengenai konsep audit syariah.
- ii. Bahan kajian yang ditulis mengenai urus tadbir sistem pengawasan syariah secara umum.
- iii. Bahan kajian yang ditulis mengenai kaedah dan aplikasi pengauditan syariah.

Selain itu, bahan tambahan digunakan juga oleh penyelidik antaranya:

- i. Bahan kajian yang ditulis oleh sarjana menyentuh persoalan pentadbiran dan pengurusan sistem pengawasan syariah secara umum dan khusus.
- ii. Bahan kajian yang berbentuk bersiri merangkumi jurnal akademik, majalah bibliografi yang terpilih di dalam bidang yang dikaji.
- iii. Tesis, disertasi, latihan ilmiah dan laporan penyelidikan membabitkan tema kajian, institusi audit yang dihasilkan oleh institusi pendidikan tinggi awam di Malaysia.

---

<sup>16</sup> Charles Issawi, *Filsafat Islam Tentang Sejarah*, terj. A. Mukti (Jakarta: Tinta Emas, 1962), 36.

- iv. Akta, enakmen, garis panduan, laporan-laporan dan butiran berkenaan kewangan Islam di peringkat nasional yang terbabit.

Pemilihan yang rapi terhadap keautoritian dalam pemilihan kedua-dua bahan ini yang terdapat di beberapa perpustakaan yang terpilih. Penyelidik telah memilih beberapa perpustakaan di Malaysia untuk dijadikan tempat mencari maklumat berkaitan dengan kajian ini di antaranya:

- i. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
- ii. Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya
- iii. Perpustakaan Peringatan Za'ba Universiti Malaya
- iv. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia
- v. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- vi. Perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia
- vii. Perpustakaan Universiti Teknologi MARA

Selain itu juga, bahan-bahan kajian dikumpul dengan melayari internet seperti statistik, artikel, arkib surat khabar dan resolusi persidangan fiqh antarabangsa seperti Akademi Fiqh OIC, Akademi Fiqh Rabitah al-Alam al-Islami dan sebagainya. Penyelidik juga merujuk pelbagai laman web seperti laman web Bank Negara Malaysia (BNM), *Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions* (AAOIFI), *Islamic Financial Services Board* (IFSB), *International Shariah Research Academy for Islamic Finance* (ISRA), *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB), *Islamic Bankings and Finance Institute Malaysia* (IBFIM), kahf.net, al-islam.com, Islam online, Islamic Finance News, Thomson Reuters dan sebagainya.

Penyelidik juga melayari pangkalan data elektronik seperti EBSCO host, NSTP E-Media, Proquest dan Infocac untuk mendapatkan artikel-artikel yang berkaitan daripada jurnal-jurnal akademik.

Kaedah ini juga adalah merupakan satu usaha yang dilakukan dengan cara mengumpulkan data dan pentafsiran terhadap data yang terkumpul.<sup>17</sup> Kaedah ini merupakan suatu usaha yang dilakukan dengan cara mengumpul data dan membuat tafsiran terhadap data yang telah dikumpulkan. Penggunaan data yang tepat dan benar akan dapat menghasilkan suatu penyelidikan yang lebih bernilai. Dengan ini, penyelidik telah mengambil beberapa inisiatif dengan menggunakan beberapa metode yang tepat bagi memperolehi data-data yang diperlukan dalam kajian ini. Dalam proses mengumpulkan data bagi kajian ini, penyelidik akan menggunakan beberapa metode yang difikirkan perlu bagi mendapatkan data yang dikehendaki. Metode-metode tersebut ialah:

#### 1.9.2.1 Metode dokumentasi

Metode ini merupakan salah satu daripada proses mengumpul maklumat dan fakta melalui penyelidikan terhadap dokumen yang mempunyai kaitan dengan masalah kajian. Dokumen ini terdiri daripada bahan bertulis seperti fakta, rajah atau simbol, perangkaan tahunan, al-Quran, al-Sunnah, statut, buku, kertas kerja seminar, surat khabar, latihan ilmiah, tesis dan sebagainya. Penggunaan metode ini amat penting memandangkan melaluinya data dan fakta yang terkini dan tepat dapat diperolehi.

Dalam menjalankan penyelidikan, maklumat juga dapat diperolehi melalui pamflet, risalah, laporan tahunan dan prospektus yang dikeluarkan oleh BIMB.

---

<sup>17</sup> Abdul Halim Mat Diah, "Falsafah Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia" (tesis kedoktoran, Yogyakarta: Institut Agama Islam Negeri (IAIN), Sunan Kalijogo, 1986), 111.

### 1.9.2.2 Metode sejarah

Metode ini merupakan suatu bentuk penyelidikan pengaplikasian teknik pemecahan dan penghuraian secara ilmiah dari perspektif sejarah terhadap sesuatu masalah atau perkara. Pernyataan hari ini biasanya hanya boleh difahami dengan mengkaji masa lepas. Kajian masa lepas boleh dianggap sebagai gerbang yang menentukan kerasionalan kelakuan hari ini.<sup>18</sup> Ia merupakan satu proses untuk menentukan adanya pendapat yang tepat mengenai sesuatu perkara.

Dalam kajian ini penyelidik mengemukakan kronologi penubuhan BIMB secara tepat berserta pembangunan yang telah diterokai dan juga pencapaian yang telah dikecapi. Begitu juga dengan perkembangan perbankan Islam di Malaysia dan juga dunia.

### 1.9.3 Penganalisaan Data

Setelah data-data yang diperlukan diperolehi dan terkumpul, penyelidik akan menjalankan proses analisis data untuk mendapatkan kesimpulan atau hasil penyelidikan.

Data yang dianalisis berasaskan dua sumber iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer ialah sumber yang ada kaitan langsung dengan keadaan kajian seperti laporan, temubual, tesis dan karya asal penyelidik. Sumber sekunder pula ialah sumber yang ada perantaraan di antara keadaan atau pengalaman yang dikaji seperti ulasan, makalah dan juga buku-buku ilmiah.<sup>19</sup> Dalam proses analisis data, penyelidik akan menggunakan metode-metode berikut:

---

<sup>18</sup> Morris R. Cohen & Ernest Nagel, *An Introduction to Logic and Scientific Method* (London: Routledge & Kegan Paul Ltd., t.t.), 323.

<sup>19</sup> *Ibid.*, 75.

### 1.9.3.1 Metode Induktif<sup>20</sup>

Ia juga dikenali sebagai induktif-generatif. Ia juga merupakan proses menganalisa data melalui cara berfikir bagi mencari pembuktian dari perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil yang bersifat umum.<sup>21</sup> Dalam metode induktif, penyelidik mengumpulkan maklumat secara berterusan bagi menjelaskan masalah yang dikaji. Penyelidik seterusnya mencari hubungan antara fakta-fakta atau keterangan yang terkumpul untuk membentuk satu gagasan fikiran dan idea.<sup>22</sup>

Di dalam kajian ini, penyelidik akan menggunakan metode ini dengan menghuraikan aspek mengenai audit syariah, definisi, perkembangan, matlamat, kemudian penyelidik akan merangkum aspek tersebut menjadi satu rumusan penting tentang audit syariah. Melalui kaedah ini juga, data-data prosedur urus tadbir audit syariah yang dilaksanakan di BIMB akan dikaji terlebih dahulu, kemudian data-data yang diperolehi tersebut dianalisis bagi melihat permasalahan yang berbangkit sama ada permasalahan dari segi mengurus aplikasi audit syariah tersebut.

### 1.9.3.2 Metode Deduktif<sup>23</sup>

Metode ini berbeza dengan metode induktif dengan penyelidik menggunakan teori atau gagasan fikiran yang ada untuk melihat fenomena yang berlaku.<sup>24</sup> Penyelidik menggunakan metode ini dalam menghuraikan, menjelaskan dan menggaris panduan gerak kerja audit syariah. Berdasarkan

---

<sup>20</sup> Dalam ilmu *Uşul Fiqh*, kaedah ini lebih dikenali sebagai kaedah *istiğra'*. Lihat: Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan* (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001), 82.

<sup>21</sup> Sidek Mohd. Noah, *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah, Teori Dan Praktis* (Serdang: Universiti Putra Malaysia, 2000), 6.

<sup>22</sup> *Ibid.*, 82.

<sup>23</sup> Dalam ilmu *Uşul Fiqh*, kaedah ini dikenali sebagai kaedah *istinbat*. Lihat Idris Awang (2001), *op.cit.*; Othman Lebar (2006), *op.cit.*, 37.

<sup>24</sup> *Ibid.*

teori-teori yang ditulis dalam disiplin ilmu kewangan seperti kajian tentang pengurusan kewangan Islam, matlamat, sasaran dan medium pelaksanaan yang selaras dengan kehendak semasa.

Dengan menggunakan kaedah ini, data dan maklumat umum akan dianalisis secara terperinci sebelum rumusan yang tepat dan padat dibuat. Pengurusan sistem pengawasan di institusi-institusi kewangan Islam di Malaysia akan dilihat secara umum dengan merujuk statut urus tadbirnya, kemudian kesimpulan yang khusus mengenai pentadbiran pengawasan syariah tersebut di institusi kewangan Islam di Malaysia dibuat.

### 1.9.3.3 Metode Komparatif

Ia melibatkan proses membuat kesimpulan melalui perbandingan atau perbezaan terhadap data dan fakta yang diperolehi dalam penyelidikan. Segala data yang diperolehi dikumpulkan dan dibandingkan secara adil serta saksama untuk dibuat kesimpulan.<sup>25</sup> Metode ini juga bertujuan untuk membezakan di antara data-data yang bersifat universal dan bersifat spesifik. Ini disebabkan tidak terdapat satu fenomena yang boleh diasingkan dan diselidiki tanpa dibuat perbandingan dengan suatu fenomena yang lain.<sup>26</sup> Penyelidik akan menggunakan metode ini di dalam bab tiga, empat dan lima dengan membuat perbandingan di antara garis panduan yang digariskan oleh pihak berkuasa dan badan-badan berautoriti berkenaan audit syariah dengan pengamalan yang diaplikasikan oleh pihak BIMB di dalam urus tadbir berkaitan dengan sistem pengawasan syariah khususnya modus operandi audit syariah.

---

<sup>25</sup> Michael Armer & Allen D. Grimham, *Comparative Social Research: Methodological Problem and Strategies* (New York: John Wiley & Sons, t.t.), 5.

<sup>26</sup> Else Oyen, "The Imperfection of Comparisons", *Comparative Methodology: Theory and Practice in International Social Research* (TTP: Sage Publication, 1990), 3-4.



Konklusinya, kedua-dua kaedah penyelidikan utama yang dipilih iaitu penyelidikan lapangan dan penyelidikan perpustakaan di samping metode temu bual, metode dokumentasi dan metode sejarahan dapat menghasilkan satu natijah penyelidikan yang baik dan konkrit. Namun begitu, perundangan Islam turut dijadikan sebagai rujukan. Tujuannya adalah untuk membuat perbandingan yang komprehensif tentang ketetapan pelaksanaan audit syariah pada masa kini dalam perkhidmatan pengawasan sistem kewangan Islam dengan kaedah dan konsep yang telah digariskan oleh syariat Islam.

Di dalam melaksanakan penyelidikan ini, sumber perundangan Islam yang dirujuk terdiri daripada empat sumber yang utama iaitu *al-Qurān*, *al-Sunnah*, *ijmak 'ulamak* dan *Qiyās*.<sup>27</sup> Manakala sumber-sumber perundangan yang lain adalah seperti *al-istihsān*, *māṣālih al-mursālah*, *al-'urf*, *al-istiṣhāb*, *syara' min qablinā* dan *fat'wā al-sahābah*. Sumber perundangan syariah ini dijadikan sumber utama dalam bab dua bagi mendapatkan maklumat yang tepat tentang dalil-dalil pensyariaan dan konsep audit syariah menurut perspektif Islam.

## 1.10 KESIMPULAN

Melihat kepada tuntutan semasa, kajian ini dilihat mampu diguna pakai keseluruhan institusi kewangan Islam di Malaysia untuk mempertingkatkan tabdir urus dalam sesebuah organisasi. Dengan adanya standard audit syariah di setiap institusi, ia berpotensi memperbaiki urus tadbir supaya selaras dengan prinsip syariah dan dengan ini dapat mengukur tahap pencapaian serta dapat menjadi asas penambahbaikan kepada institusi kewangan Islam itu sendiri.

---

<sup>27</sup> 'Abd. Al-Wahhab Khalāf, *Ilm 'Uṣul al-Fiqh* (Kaherah: Dār al-Qālam, 1978), 21.

Apa yang ingin ditekankan, bukan setakat urus tadbir organisasi sahaja yang perlu menepati kehendak dan kriteria syariah, akan tetapi tenaga kerjanya juga perlu mempunyai sikap dan tingkah laku yang selaras dengan kehendak syarak. Selain itu, penyelidik juga berharap agar hasil penyelidikan ini juga mampu menambahkan input serta kritikan membina dalam isu berkenaan dengan audit syariah yang perlu dibangunkan dan diuruskan dengan baik mengikut keperluan dan masalah semasa.